

14/04/1998

Matnor diminta lepas jawatan

Mohd Fuad Razali

KETUA Pengarah Pendidikan, Datuk Matnor Daim mungkin diminta melepaskan jawatannya dan digantikan oleh timbalannya, Datuk Dr Abdul Shukor Abdullah, akhir bulan ini.

Menurut sumber, beliau mungkin diminta berbuat demikian pada 29 April ini iaitu kira-kira enam bulan lebih awal daripada tarikh sebenar persaraan beliau.

Bagaimanapun, katanya, punca sebenar Matnor diminta berbuat demikian tidak pula diketahui.

"Jika perkhidmatannya hendak ditamatkan, tindakan itu bertentangan dengan amalan biasa dalam perkhidmatan kerajaan kerana seseorang pegawai hanya boleh ditamatkan perkhidmatannya pada hari ia mencapai usia 55 tahun melainkan pegawai itu didapati terbabit dalam kesalahan yang membolehkan dia dipecat daripada jawatannya.

"Tidak tahulah jika Kementerian Pendidikan mahu memberikan jawatan lain kepada Matnor tetapi sepanjang pengetahuan kami jawatan tertinggi yang boleh dicapai oleh seseorang pegawai perkhidmatan pendidikan ialah Ketua Pengarah Pendidikan," katanya kepada Berita Harian.

Matnor dilantik sebagai Ketua Pengarah Pendidikan pada 29 April tahun lalu menggantikan Tan Sri Dr Wan Mohd Zahid Mohd Noordin yang tamat perkhidmatan kontrak dengan Kementerian Pendidikan. Sebelum itu, beliau adalah Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan Prasekolah, Rendah dan Menengah.

Jika mengikut amalan biasa, perkhidmatan Matnor sepatutnya tamat pada 23 Oktober ini, iaitu tarikh beliau mencapai usia 55 tahun.

Dr Abdul Shukor kini ialah Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan Teknikal.

Sumber itu juga mendakwa sepucuk surat sudah dihantar kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan, Datuk Dr Johari Mat memaklumkan mengenai pelantikan Dr Abdul Shukor sebagai Ketua Pengarah Pendidikan yang baru bagi menggantikan Matnor dan pelantikan itu dikatakan berkuatkuasa 29 April ini.

Surat itu juga dikatakan dihantar dan ditandatangani oleh Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak dengan satu salinan dihantar kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Malah, pelantikan itu didakwa dibuat sesudah mendapat persetujuan Dr Mahathir. Bagaimanapun surat itu tidak pula menyatakan sebab Matnor digantikan kerana tarikh sebenar persaraannya sepatutnya ialah Oktober ini," katanya.

Sementara itu, sumber tertinggi Kementerian Pendidikan mengesahkan memang keputusan itu dibuat hasil perbincangan di peringkat Menteri Pendidikan dengan Perdana Menteri.

Bagaimanapun, pihak tertinggi Kementerian Pendidikan dikatakan akan berunding dengan Matnor dan Dr Abdul Shukor terlebih dahulu sebelum proses penggantian itu dilakukan.

Mengenai kedudukan Matnor, sumber itu berkata, perkhidmatannya sebagai kakitangan kerajaan akan diteruskan seperti biasa tetapi mungkin diberikan jawatan yang setimpal dengan jawatannya sekarang, dan menolak dakwaan kemungkinan perkhidmatannya ditamatkan.

"Dari segi penempatan, seorang pegawai kerajaan boleh dipindahkan ke mana-mana seperti yang diarahkan. Keputusan mengenai perkara ini sudah dibuat cuma sekarang hendak memastikan jawatan yang sesuai untuk Matnor,"

katanya.

Bagaimanapun sumber itu tidak menyatakan apakah jawatan yang akan dipegang oleh Matnor kelak dan bilakah proses penggantian itu akan dilakukan.

Namun beliau tidak menafikan bahawa tarikh itu sudah hampir.

"Memang hanya beberapa hari saja lagi. Tapi biarlah Menteri Pendidikan sendiri yang membuat pengumuman mengenai perkara ini," katanya.

Sementara itu, Matnor pula ketika dihubungi menyatakan tidak mengetahui mengenai perkara berkenaan.

Malah, katanya, beliau tidak pernah mengemukakan sebarang surat untuk memohon bersara lebih awal dan belum menerima sebarang surat yang memintanya beliau mengosongkan jawatannya lebih awal.

"Saya memang tidak merancang bersara awal dan tidak pernah mengemukakan sebarang surat sedemikian. Saya pun tidak pula menerima sebarang surat meminta mengosongkan jawatan saya," katanya.

(END)